

2) PENYELESAIAN ISU HAK MILIK STRATA

Adun : Y.B. Puan Lim Yi Wei (N35 Kampung Tunku)

Kategori : Lisan

Sesi : 3 (2024)

Sub soalan :

- a) **Nyatakan bilangan kes hakmilik strata yang sedang diteliti *Taskforce* Penyelesaian Hakmilik Strata pada tahun 2024.**

Untuk makluman Yang Berhormat sehingga 31 Oktober 2024, sebanyak 649 Skim melibatkan 138,817 petak telah dikenal pasti oleh Jawatankuasa *Taskforce* yang masih belum memiliki hakmilik strata di seluruh Negeri Selangor. Jawatankuasa telah memperincikan skim yang berkenaan mengikut PBT seperti berikut :

PBT	JUMLAH SKIM	JUMLAH PETAK
MBSA	13	4,802
MBPJ	75	16,963
MBSJ	100	35,780
MBDK	95	14,407
MPAJ	103	19,828
MPKj	49	9,164
MPSp	71	13,153
MPS	74	11,451
MPKL	9	881
MPHS	32	11,508
MPKS	25	552
MDSB	3	328
JUMLAH	649	138,817

- b) **Nyatakan bilangan kes yang selesai dan bilangan kes tertunggak di Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Untuk makluman Yang Berhormat, bilangan kes hakmilik strata yang telah selesai adalah sebanyak 112 kes. Manakala bagi bilangan kes hakmilik strata yang tertunggak adalah sebanyak 75 kes bagi Kawasan Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

c) Berapa peratus daripada KPI *Taskforce* telah dicapai bagi tahun 2024?

Untuk makluman Yang Berhormat, sasaran Jawatankuasa Khas bagi tahun 2024 adalah menyediakan inventori bangunan tanpa hakmilik strata di seluruh Negeri Selangor dan mengenal pasti projek yang berpotensi untuk diselesaikan oleh pihak Jawatankuasa Khas.

Sehingga Oktober 2024, pihak Jawatankuasa Khas telah menyempurnakan kedua-dua tugas tersebut dan disamping itu, berjaya menyelesaikan dua (2) kes bangunan tanpa hakmilik strata iaitu:-

1. Taman Putra Perdana, Sepang
2. Shop Apartment Antilia, Bandar Tasik Puteri, Rawang